

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PERKAITAN ANTARA PERAPATAN IBU BAPA-ANAK, PENGARUH
RAKAN SEBAYA, ESTIM DIRI DAN LOKUS KAWALAN DENGAN SIKAP
SEKSUAL REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Oleh

NOR JUM'AWATON BINTI SHAHRUDDIN

Oktober 2017

Pengerusi : Profesor Madya Mariani Binti Mansor, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Memahami faktor luaran dan faktor dalaman yang akan mempengaruhi pembentukan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual adalah sangat penting untuk diukur seterusnya membekalkan sumber maklumat untuk merangka intervensi yang bersesuaian. Kajian ini menekankan kepada perspektif perkembangan untuk memahami dan menjelaskan perkaitan pemboleh ubah bebas dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Teori kognitif sosial (Bandura, 1977) telah digunakan sebagai panduan dalam membina kerangka teoritikal kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian korelasi. Responden kajian terdiri daripada 204 orang remaja hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun yang dipilih dengan menggunakan persampelan kluster pelbagai peringkat (*muti-stage cluster sampling*). Kajian ini melibatkan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia yang berada di institusi perlindungan dan pemulihan di Taman Seri Puteri di Cheras Selangor, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak, Raudhatus Sakinah Johor, Raudhatus Sakinah Pulau Pinang, Raudatus Sakinah Melaka, Raudatus Sakinah Kelantan dan Raudatus Sakinah Selangor.

Lima instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu *Inventory Parent and Peer Attachment* oleh Gay Armsden dan Mark Greenberg (1987), *Brief Sexual Attitudes Scale* oleh Hendrick, Hendrick, dan Reich, (2006), *Rosenberg Self-Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965), *Peer Pressure, Popularity and Conformity Inventory* oleh Santor, Messervey dan Kusumakar (2000), dan *Rotter I-E Scale* oleh Rotter (1966). Analisis statistik deskriptif, ujian korelasi Pearson, analisis regresi berganda, pengujian pengantara (mediator) dan penyerdehana (moderator) dengan menggunakan analisis *bootstrapping* (perisian PROCESS Macro) diaplikasi dalam kajian ini.

Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan wujud perkaitan signifikan antara umur dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahun pendidikan responden, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Seterusnya, wujud perkaitan yang signifikan antara perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Selain itu wujud perkaitan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual. Dapatan kajian juga membuktikan estim diri rendah dan lokus kawalan luaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Analisis regresi berganda menunjukkan sikap liberal terhadap tingkah laku seksual dapat diramalkan oleh pemboleh ubah bebas (tekanan rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan, populariti rakan sebaya, kepercayaan dan komunikasi dengan ibu bapa). Dapatan kajian membuktikan prediktor unik yang paling tinggi menyumbang kepada sikap liberal terhadap tingkah laku seksual adalah tekanan rakan sebaya. Analisis pengantara menggunakan *bootstrap* mendapati pengaruh tidak langsung perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui pengantara (estim diri) adalah tidak signifikan. Manakala pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui pengantara (estim diri) adalah signifikan. Analisis *bootstrap* perapatan ibu bapa-anak (komunikasi, kepercayaan dan pengasingan) ke atas sikap terhadap tingkah laku seksual melalui penyederhana (moderator) lokus kawalan menunjukkan kesan interaksi adalah tidak signifikan. Pengaruh rakan sebaya (tekanan rakan sebaya dan populariti rakan sebaya) ke atas sikap liberal terhadap tingkah laku seksual melalui penyederhana (moderator) lokus kawalan menunjukkan kesan interaksi adalah signifikan.

Dapatan kajian membuktikan gaya masa kini membuktikan remaja terlalu mudah dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya melalui aspek populariti serta tekanan daripada rakan sebaya. Hal ini menunjukkan faktor status sosial seharusnya diberi perhatian serius dan diambil kira dalam membangunkan program intervensi bagi menghalang serta mencegah fenomena hamil luar nikah daripada terus berleluasa. Selain itu terapi keluarga juga dilihat mampu dijadikan sebagai salah satu intervensi krisis serta pendekatan kemahiran penyelesaian masalah antara remaja dengan ibu bapa. Kajian ini mengesyorkan program kesihatan seksual dan reproduktif serta program intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi yang mensasarkan kepada faktor pembentukan sikap konservatif terhadap tingkah laku seksual yang selamat dipertingkatkan bagi remaja di Malaysia. Justeru, kajian ini memberi input langsung kepada dasar negara seterusnya menyumbang terhadap korpus ilmu serta advokasi sosial bagi penggubalan dasar negara demi kesejahteraan masyarakat khususnya kelompok remaja.